

**Penerima BR1M Gembira Terima Bantuan Daripada Muhyiddin
Bernama
17 Januari, 2012**

TAWAU, 17 Jan (Bernama) -- Bagi Ayub Awang, 62, dia bukan sahaja gembira dapat menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) tetapi berasa bertuah kerana menerimanya daripada Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ayub, berasal dari Batu 2 Jalan Apas dekat sini, merupakan antara 39 yang terpilih menerima BR1M bagi Parlimen Tawau dan Kalabakan daripada Muhyiddin pada satu majlis penyampaian di sini pada Selasa.

Seramai 3,927 orang dari dua kawasan parlimen itu menerima BR1M fasa pertama.

Ayub berkata dia tidak menyangka akan terpilih untuk menerima BR1M daripada pemimpin nombor dua Malaysia.

"Bagi saya pemberian BR1M ini membuktikan keprihatian kerajaan dalam meringankan beban rakyat akibat kos sara hidup tinggi disebabkan kenaikan harga barangan," katanya ketika ditemui Bernama selepas majlis penyampaian itu.

Seorang lagi penerima, Wong Sui Kiaen, 67, menyifatkan program BR1M itu sebagai usaha kerajaan untuk mendekati rakyat yang memerlukan bantuan secara menyeluruh.

Dia berterima kasih atas bantuan kerajaan itu, yang membuktikan kerajaan sentiasa mencari jalan terbaik untuk membantu rakyat.

Majlis penyampaian BR1M di sini dan di Semporna merupakan antara empat program Muhyiddin ketika turun padang ke negeri ini sejak semalam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640656>